

06/08/2001

Penerbangan Muhibah ke laluan utara Asean

KUALA LUMPUR, Ahad - Dua pesawat ringan eksperimental Zodiac Rakan Muda yang menyertai ekspedisi Penerbangan Muhibah Asean 2001, berlepas dari Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Sungai Besi, di sini untuk ke laluan utara Asean, hari ini.

Turut mengiringi pesawat 9M-ERM dan 9M-ERA yang dipandu oleh Kolonel Zakaria Salleh dan Affendy Syed Omar serta dibantu dua pelatih penerbangan Rakan Muda ialah pesawat MD3 dan Cessna 172.

Ketua ekspedisi, Abdul Latiff Endot, berkata ekspedisi yang membawa watak jempitan ke Sukan Sea XXI-Kuala Lumpur 2001 itu akan mengambil masa 17 hari dengan melalui lima negara iaitu Myanmar, Laos, Vietnam, Kemboja dan Thailand.

Beliau berkata, laluan utara iaitu fasa kedua Penerbangan Muhibbah Asean 2001 dijangka lebih mencabar berikutan musim monsun yang membawa hujan lebat serta melalui kawasan pergunungan.

"Selain melatih generasi muda dengan semangat setiakawan dan tahan cabaran, ekspedisi ini juga bertujuan mengamalkan budaya timur dengan menjemput sendiri tetamu untuk datang ke Sukan Sea yang akan diadakan di Malaysia, September ini," katanya selepas pelepasan empat pesawat terbabit.

Ekspedisi yang memulakan perjalanan ke Yangon, Myanmar melalui Phuket, Thailand itu dilepaskan oleh Panglima Tentera Udara, Jeneral Datuk Suleiman Mahmud.

Sementara itu, pesawat CN235 yang akan membawa wartawan dan pelatih penerbangan Rakan Muda akan berlepas dari Pangkalan TUDM Subang pada Selasa ini.

Ekspedisi yang akan melalui perjalanan sejauh lebih 4,000 batu nautika ini mendapat kerjasama Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Pertahanan dan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 14 Julai lalu.

Sebelum ini, fasa pertama ekspedisi bermula dari 17 hingga 29 Julai lalu membabitkan laluan selatan iaitu ke Indonesia, Filipina, Brunei dan Singapura menghadapi sedikit masalah berikutan jerebu tebal.

(END)